

Headline	Ada lantang perjuang LGBT di peringkat Asean		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	24	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	119 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,444
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,332



## Ada lantang perjuang LGBT di peringkat Asean

**K**UALA LUMPUR: Ada pihak tertentu cukup lantang memperjuangkan hak asasi LGBT pada Persidangan Suruhanjaya Hak Asasi Negara Asean bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Manila, Filipina bagi merangka deraf akhir Deklarasi Hak Asasi Asean, pada 12 September lalu.

Mendedahkan perkara itu, Wakil Malaysia, Mohd Khairul Anwar Ismail dari Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) berkata, golongan LGBT secara terbuka meminta suruhanjaya terbabit menerima LGBT sama taraf dengan gender lelaki dan perempuan.

“Abim yang mewakili Malaysia mengambil pendirian istilah LGBT tidak boleh dimasukkan dalam deraf deklarasi berkenaan. Hanya ada jantina lelaki dan perempuan, selain itu tidak boleh ditakrifkan sebagai gender.

“Di Barat sendiri, LGBT hanya diiktiraf daripada segi orientasi dan kecenderungan seksual yang sama hak dengan golongan heteroseksual, tidak lebih da-

ripada itu. Selain Malaysia, Brunei dan Singapura adalah negara yang berpendirian menentang LGBT,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurut Mohd Khairul, meskipun ramai beranggapan Singapura antara negara yang tidak melarang amalan budaya LGBT, tetapi sebenarnya Singapura tidak pernah meluluskan LGBT sebagai orientasi seksual dalam undang-undang negara mereka.

“Dalam undang-undang Singapura, jantina hanya merujuk kepada lelaki dan perempuan. LGBT tidak diterima undang-undang negara mereka.

“Ia dibuat selepas negara itu melakukan kajian dan mendapati hubungan homoseksual adalah penyebab utama Aids dan jangkitan HIV di negara itu,” katanya.

Abim adalah antara NGO yang aktif bersama Gabungan Pertubuhan-pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (ACCIN) di negara ini yang membantah sekeras-kerasnya penganjuran, tajaan dan sokongan terhadap gerakan LGBT.